

Benteng kunci air pecah

Kejadian disedari berlaku sejak Jumaat lalu, penduduk luah kebimbangan

BAGAN NAKHODA OMAR – Benteng bagi projek membina sebuah kunci air bagi menaik taraf sistem saliran dan kerja berkaitan di Bagan Nakhoda Omar (BNO) yang disedari pecah sejak Jumaat lalu membimbangkan penduduk sekitarnya.

Penduduk, Hashim Bidin, 45, berkata, beliau hanya mengetahui benteng berkenaan pecah kira-kira jam 4.30 petang apabila parit di hadapan rumahnya penuh dengan air.

“Ramai rakan-rakan yang mengeluh apabila melihatkan benteng pecah di bahagian kiri dan kanan. Kita risau jika air terus masuk ke dalam parit di kampung berhampiran seterusnya melimpah ke kebun yang boleh menyebabkan tanaman mati.

“Jika ia tidak diatasi esok (hari ini) air akan naik lebih tinggi dan tentunya ia lebih membimbangkan penduduk,” katanya.

Pada hari ini (semalam), penduduk menganggarkan benteng yang mulai pecah sedikit pada Jumaat lalu kini merebak lebih kurang lima meter bahagian kiri dan kanan benteng sehingga mendatangkan kebimbangan kepada mereka.

Sementara itu, Jamaluddin Katan, 47, berkata, berdasarkan pengalamannya sebagai nelayan, air dijangka pasang semula jam 4.30 pagi.

“Kalau ikutkan esok (hari ini) 15 hari bulan Islam, dan air akan pasang besar kira-kira 4.30 petang esok (hari ini). Air pasti lebih dalam lagi esok,

dan dijangkakan lingkungan dua kilometer kawasan akan terlibat.

“Apa yang kita risaukan jika hari hujan, ia pasti akan memburukkan lagi keadaan. Apa yang perlu, masalah ini perlu diatasi segera supaya ia tidak memberikan masalah kepada penduduk setempat,” katanya.

Difahamkan keadaan air laut masuk dengan banyaknya apabila air pasang kira-kira jam 5 petang, semalam dan air laut yang mengalir melepasi benteng mulai surut kira-kira tiga meter dari paras semasa kira-kira jam 8 malam.

Razali Mariman, 62, berkata, masalah benteng pecah itu adalah yang kedua berlaku sejak projek itu dijalankan dan kali ini masalahnya adalah



Air laut terus masuk ke parit akibat benteng pecah dan ia membimbangkan penduduk setempat jika air naik dan melimpah ke darat.

lebih besar.

“Kali pertama dulu, benteng tidak pecah seteruk ini

dan tindakan diambil segera oleh pihak berkenaan. Kali ini benteng pecah lebih besar dan

kita harap ia dapat diberikan perhatian serta ditangani segera sebelum lebih kritikal.